Uptown Square permata baharu Bandar Rimbayu

Hab perniagaan dimajukan IJM Land menawarkan 119 unit komersial

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Uptown Square, hab perniagaan baharu dilancarkan di Bandar Rimbayu dijangka merancakkan lagi perbandaran bersepadu yang dibangunkan IJM Land Bhd itu.

Berikutan sambutan yang menggalakkan terhadap pembangunan rancak yang sedang dimajukan seperti Starling, Robin dan Uptown @ Rimbayu, Bandar Rimbayu kini bersedia menuju ke hadapan menerusi pelancaran Uptown Square, sekali gus menjadikan perbandaran yang pesat itu bakal menyajikan pemandangan yang meriah untuk pelawat dan penduduk.

Sinonim dengan pelbagai konsep pembangunan IJM Land, Uptown Square memiliki karakter pembangunan yang dirancang dengan teliti dan ia memberi penekanan kepada tahap baharu menerusi pelan tapak yang merangkumi ruang serba guna dan taman mini.

Halaman dan taman mini itu

memberikan komuniti kejiranan pelbagai pilihan untuk menggunakan ruang awam.

Malah, ia memiliki pelbagai fungsi termasuk ruang bersukan seperti bola keranjang, berfungsi sebagai pasar lambak/pasar malam, dan ruang pameran atau tapak untuk meraikan pelbagai perayaan.

Memandangkan persekitarannya yang berdekatan dengan pusat komersial dan kediaman di Shah Alam serta Kota Kemuning, perbandaran itu telah menjadi lokasi tumpuan pengunjung dan penduduk.

Malah, Bandar Rimbayu juga menjadi lokasi strategik dengan memiliki akses kepada empat pintu masuk dan keluar utama termasuk Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Kemuning - Shah Alam (LKSA), Lebuhraya Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan Lebuhraya Pantai Barat (WCE), yang dijangka siap pada 2024.

119 unit

"Menjadi sebahagian daripada Hab Perniagaan Rimbayu, Uptown Square dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM308 juta ini menawarkan keseluruhan 119 unit dengan saiz dari 3,300 hingga 7,539 kaki persegi.

"Pelan unit yang ditawarkan itu dibahagikan kepada dua dan tiga tingkat dengan setiap unit tampil menerusi susun atur yang praktikal. Lebih menarik, pembangunan baharu ini memiliki beberapa pintu masuk dan keluar unik yang diatur secara bersesuaian dengan tempat letak kereta.

"Susun atur komersialnya terutama unit dengan beranda pula menawarkan kawasan yang lebih luas untuk persediaan perniagaan yang lebih baik," kata IJM Land dalam satu kenyataan.

Untuk rekod, Hab Perniagaan Rimbayu direka untuk populasi penduduk yang besar dan ia bersedia untuk menjadi hab perniagaan yang disegani menerusi penawaran pelbagai segmen perniagaan seperti makan dan minuman, hotel dan institusi, pusat beli-belah berkediaman, pusat sukan, bilik pameran dan pejabat korporat.

Pusat komersial

Dengan potensi besar sebagai pusat komersial dan hab gaya hidup, jangkaan populasi berjumlah 100,000 penduduk dalam tempoh lima tahun akan datang diramal akan mewujudkan komuniti yang bertenaga serta gaya hidup yang sibuk di Bandar Rimbayu, ia sekali gus menjadikan destinasi yang sempurna untuk tujuan pelaburan pada tahun-tahun mendatang.

Pemilik perniagaan boleh menaruh keyakinan dengan peluang pulangan tinggi ke atas pelaburan dan manfaat modal, disokong kewujudan pusat komersial sedia ada yang berpotensi tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif J&T Express Malaysia, Roy Zeng (kiri) dan Pengarah Urusan IJM Land Bhd, Datuk Edward Chong (kanan) memeterai perjanjian jual beli 12 hektar tanah di Bandar Rimbayu.

Keunggulan Bandar Rimbayu diserlahkan lagi dengan hadirnya Pusat Logistik dan Pengedaran J&T seluas 12 hektar dengan pelaburan berjumlah RM600 juta.

Selain J&T, terdapat juga cadangan pembangunan pasar raya besar dan Pusat 3S yang bakal membawa masuk tenaga kerja baharu berjumlah 4,000 orang, yang mana akan memberi manfaat kepada perniagaan seperti pasar lambak, restoran dan lain-lain di Uptown Square.

Unit komersial yang dinamik dengan menawarkan pelbagai faedah juga bakal memberi keselesaan kepada keluarga dan tetamu yang tinggal atau yang melawat Bandar Rimbayu.

Uptown Square turut memberi penekanan kepada kehidupan lestari dengan menggabungkan elemen mesra alam yang menggalakkan penggunaan sumber tenaga semula jadi.

Sehubungan itu, pemilik perniagaan juga boleh memainkan peranan aktif dalam mengurangkan jejak karbon, sementara menikmati manfaat bil elektrik yang jauh lebih rendah.

Tip

Hias ruang tamu kelihatan selesa

- Ruang tamu yang besar boleh menggabungkan penggunaan dua atau tiga jenis sofa supaya ruang kelihatan menyerlah. Pilih jenis dan material yang berbeza untuk menampakkan lagi keunikan ruang tamu anda.

- Penggunaan cermin memberi sentuhan tambahan kepada ruang tamu supaya kelihatan lebih luas dan membantu pencahayaan. Pilih saiz, bentuk dan gaya cermin yang bersesuaian dengan ruang tamu untuk menyerikan lagi suasana ruang tamu.

- Penggunaan lampu siling atau berdiri akan menambahkan ruang tamu lebih berseri. Jika ruang tamu kecil, satu lampu sudah cukup untuk memberi pencahayaan.